

Majlis Penghargaan Graduan rai pelajar terbaik UMSKAL

Labuan: Tiga pelajar dari Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) serta Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) mengecapi detik bermakna menerima anugerah khas dalam Majlis Penghargaan Graduan Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) 2013.

Mereka ialah pelajar program Kewangan Islam dari SPKAL, Nursafraa Aziz, yang meraih Anugerah Emas; Pooi Jun Jin (Perbankan Antarabangsa dan Luar Pesisir SPKAL - Anugerah Perak); dan Chua Xin Yi (E-Dagang SSIL - Anugerah Gangsa).

Nursafraa yang berada di China diwakili ibunya, Haslinda Abdullah, menerima hadiah RM4,500 dan sijil penghargaan disampaikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA), Danial Mah Abdullah, manakala Jun Jin serta Xin Yi masing-masing membawa pulang RM3,500 dan RM2,000 berserta sijil penghargaan.

Pelajar program Ekonomi Kewangan Antarabangsa SPKAL, Jennifer Voon Mei Ying, pula merangkul Anugerah Terbaik Labuan sumbangan PETRONAS Chemicals Methanol Labuan, di samping 25

pelajar terbaik dari SPKAL dan SSIL turut menerima anugerah masing-masing bersempena dengan majlis berkenaan.

Hubungan erat

Seramai 579 pelajar UMSKAL memperoleh ijazah masing-masing dalam majlis konvokesyen tahun ini, meningkat berbanding 561 tahun lalu.

Turut menghadiri Majlis Penghargaan Graduan UMSKAL 2013 ialah Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMS, Prof Dr Shariff Abd Kadir Omang Al-Haj; Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali; Dekan SSIL, Dr Ag Asri Ag Ibrahim; Dekan SPKAL, Prof Madya Dr Syed Nasirin Syed Zainol Abidin; serta Timbalan Pendafatar UMSKAL, Zamri Mohamad Tuah.

Sementara itu, Shariff berharap hubungan antara graduan dan universiti akan terus terjalin erat selepas tamat majlis konvokesyen.

"Graduan sebagai alumni universiti mampu menyumbangkan tenaga, pengetahuan serta kepakaran demi meningkatkan kemajuan UMS dan negara. Kejayaan graduan akan menjadi inspirasi kepada semua mahasiswa yang masih menuntut di UMS," katanya.



Xin Yi (kiri), Haslinda (mewakili Nursafraa) dan Jun Jin gembira dengan anugerah yang diterima dalam Majlis Penghargaan Graduan UMSKAL 2013, baru-baru ini.